

Persepsi Pelajar Pengajian Islam terhadap Kepentingan Pendidikan Agama kepada Golongan Pekak

(Islamic Studies Students' Perception of the Importance of Religious Education for the Deaf)

Syar Meeze Mohd Rashid

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Siti Hajar Shaharudin

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Pendidikan agama merupakan perkara yang sangat penting bagi setiap orang yang bergelar Muslim demi menjamin kesejahteraan dan panduan dalam menjalani kehidupan. Kehidupan beragama yang sempurna dapat membantu dan mendorong seorang Muslim untuk sentiasa patuh dan taat kepada perintah Allah SWT dan sentiasa melakukan kebaikan serta meninggalkan perbuatan yang mungkar. Pendidikan agama Islam diberikan secara menyeluruh termasuklah kepada golongan OKU, terutamanya kepada golongan pekak. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat persepsi pelajar pengajian Islam terhadap kepentingan pendidikan agama kepada golongan pekak serta sejauh manakah tahap persediaan pelajar untuk berhadapan dengan golongan pekak. Responden yang terlibat terdiri daripada 100 orang mahasiswa/i yang mengambil kursus pengajian Islam di sekitar Selangor dan Negeri Sembilan. Data diperoleh melalui borang soal selidik dengan menggunakan 5 mata skala Likert sebagai instrumen untuk mendapatkan data. Dapatan kajian ini mendapati tahap pengetahuan, persepsi terhadap kepentingan pendidikan agama kepada golongan pekak serta persediaan pelajar untuk berhadapan dengan golongan pekak adalah tinggi. Dapatan kajian juga memberikan panduan kepada pihak yang terlibat bagi meningkatkan lagi persediaan pelajar untuk menyampaikan ilmu agama kepada golongan pekak dengan menguasai kemahiran bahasa isyarat secara menyeluruh.

Kata Kunci : Golongan Pekak, Pendidikan Agama, Persepsi Pelajar

Abstract

Religious education is a very important matter for every person who holds the title of Muslim in order to ensure welfare and guidance in living life. A perfect religious life can help and encourage a Muslim to always obey and comply with Allah's commands and always do good and leave evil deeds. Islamic religious education is provided comprehensively, including to the PWDs group, especially to the deaf group. This study also aims to see the perception of Islamic study students regarding the importance of religious education for the deaf and to what extent the students are prepared to deal with the deaf. The respondents involved consisted of 100 students taking Islamic study courses around Selangor and Negeri Sembilan. Data were obtained through a questionnaire form using a 5-point Likert scale as an instrument to obtain data. The findings of this study found that the level of knowledge, perception of the importance of religious education for deaf groups and students' preparation to deal with deaf groups were high. The findings of the study also provide guidance to the parties involved to further increase the provision of students to convey religious knowledge to the deaf by mastering sign language skills comprehensively.

Keywords : Deaf group, Religion Education, Student Perceptive

Article Progress
Received: 25 January 2024
Revised: 08 February 2024
Accepted: 22 February 2024

1. PENGENALAN

Golongan pekak merupakan sebahagian daripada golongan yang dikategorikan sebagai orang kurang upaya (OKU) iaitu, adalah mereka yang yang tidak berupaya dan menghadapi kesukaran dalam memperoleh sebahagian atau seluruh keperluan asas seseorang individu. Disebabkan kekurangan yang dihadapi sama ada ianya berlaku sejak lahir atau sebaliknya, menyukarkan mereka untuk hidup bermasyarakat sepenuhnya. Oleh itu, golongan OKU memerlukan perkhidmatan khas dan istimewa bagi membolehkan mereka untuk hidup berdikari dalam komuniti. Golongan pekak merupakan kelompok minoriti dalam sesebuah masyarakat. Mereka tidak boleh diasingkan atau disisihkan daripada masyarakat. Sebagaimana orang normal, golongan pekak juga berhak untuk mendapatkan perkhidmatan dan layanan yang adil dan sama rata.

Menurut Abdul Munir, (2012) pada zahirnya, kekurangan dan ketidakupayaan golongan pekak tidak dapat dilihat berbanding golongan yang buta atau cacat anggota yang kecacatan mereka dapat dilihat. Golongan pekak dan bisu menghadapi kecacatan dalaman iaitu *invisible handicapped*. Mereka mempunyai kesukaran dalam berkomunikasi dan menerima maklumat daripada individu lain.

Setiap individu Muslim wajib mempelajari pendidikan agama Islam tidak terkecuali kepada golongan pekak sebagai asas kekuatan sebagai seorang Muslim dalam menjalani kehidupan. Agama adalah pegangan yang wajib ada dalam diri setiap manusia (Shuhaib, 2021). Hal ini demikian kerana tanpa pendidikan agama yang sempurna manusia akan cenderung untuk melakukan perbuatan mungkar dan melanggar perintah Allah. Seperti yang dapat dilihat dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Islam diajar sebagai mata pelajaran wajib di sekolah rendah dan sekolah dalam usaha untuk melahirkan individu yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan juga intelek.

Menurut Sayuti et, al (2022) Kurikulum Standard Kolej Vokasional Pendidikan Islam yang dilaksanakan terhadap pelajar pekak iaitu Pendidikan al-Quran merupakan salah satu bidang pengajian yang wajib dipelajari oleh setiap Muslim. Mempelajari ilmu pengajian al-Quran juga memerlukan sokongan dan bimbingan daripada masyarakat Muslim yang lain. Perkara ini bertujuan untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah S.W.T serta dapat mendekatkan diri kepada agama Islam. (Zulfadhli Zafik & Jawiah Dakir)

2. TINJAUAN LITERATUR

Kajian lepas daripada Hasnah Toran et al., (2010) dalam '*Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Kurang Upaya di sebuah IPTA di Malaysia*' menunjukkan bahawa terdapat pelajar IPTA yang mempunyai sikap, persepsi dan pandangan yang baik terhadap OKU, akan tetapi pengetahuan dan pendedahan mereka terhadap OKU adalah rendah.

Selain itu, berdasarkan kajian daripada Nur Amirah et al., (2022), menunjukkan bahawa persepsi pelajar UKM terhadap golongan pekak dewasa adalah pada tahap yang baik. Di samping itu, persepsi pelajar adalah berbeza disebabkan mereka didedahkan dengan pengetahuan mengenai OKU dengan cara yang berbeza. Pengetahuan daripada pelajar itu sendiri sebenarnya menyumbang kepada pembentukan persepsi yang positif dalam kalangan pelajar dan juga masyarakat.

Menurut Din (2019) kurangnya pengetahuan dan sikap ambil berat oleh masyarakat menyukarkan golongan OKU untuk berjaya dalam masyarakat. golongan OKU menghadapi kesukaran untuk berjaya dalam kalangan masyarakat kerana kurangnya pengetahuan dan sikap ambil peduli oleh masyarakat. Kajian ini disokong oleh Gagné dan Jennings (2011) yang menyatakan dengan adanya pengetahuan yang baik dan tepat dalam kalangan masyarakat terhadap OKU pendengaran maka dapatlah mengurangkan stereotaip yang negatif terhadap

golongan pekak dapat dikurangkan dengan adanya pengetahuan bersesuaian untuk masyarakat umum berkenaan.

Kajian yang dijalankan oleh Hung (2006) telah menunjukkan bahawa pengetahuan serta pendedahan terhadap sikap dan tanggapan mengenai individu pekak menyumbang kepada kefahaman yang baik dan interaksi yang positif antara golongan pekak dan golongan normal.

2.1 Pendidikan agama kepada OKU

Golongan OKU Muslim tidak terkecuali daripada mendapatkan hak pendidikan Islam di Malaysia. Menurut Dzulkifli & Asmawati (2018), golongan OKU Muslim berhak mendapatkan peluang untuk mempelajari Pendidikan Islam sebagai cara hidup bersyariat, teras dan asas dalam pembentukan dalam pembentukan jati diri seorang Muslim. Pengetahuan dan pembelajaran pendidikan islam yang diperoleh sangat memberikan manfaat yang penting dalam menjadai golongan OKU ini sebagai modal insan. Mereka juga dapat menambah ilmu terhadap pendidikan agama serta meningkatkan kemahiran sosial.

Huzairi et al., (2010) juga menyatakan bahawa golongan pekak ini tidak terkecuali dalam menguasai fardu ain terutamanya sebagai panduan yang penting dalam kehidupan mereka. Asas yang wajib dipelajari adalah seperti aqidah, ibadah dan juga akhlak. Penguasaan golongan pekak terhadap ilmu fardu ain perlu diberikan perhatian. Selain itu, pembelajaran Al-Quran juga adalah menyeluruh kepada semua dan golongan pekak tidak terkecuali untuk mempelajarinya.

Menurut Ummu Karamah et al., (2019), dalam *Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran*, kerajaan telah memperkenalkan Program J-QAF pendidikan Khas yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu yang masalah pembelajaran, pendengaran dan juga penglihatan. Setiap kategori MBK yang terlibat akan mempelajari bidang-bidang tertentu di dalam Pendidikan Islam berdasarkan modul-modul J-QAF di Pendidikan Khas yang telah ditetapkan. Namun, bagi MBK bermasalah pendengaran pula hanya mengikuti modul PdP Pelajaran Jawi, modul Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran dan modul Pengajaran dan Pembelajaran Amali Solat.

Dalam kajian Huzairi et al., (2010) menekankan tentang kepentingan golongan pendakwah dan juga mereka yang mempelajari agama untuk menjadikan golongan pekak ini sebagai sasaran dakwah mereka. Hal ini demikian kerana, golongan pekak mudah terpengaruh dengan perkara negatif yang akan memberi kesan buruk kepada diri mereka. Contohnya, seperti kes pembuangan bayi yang terdapat dalam kalangan golongan pekak wanita (Sazali, 2010). Dapat dilihat bahawa segala pengetahuan dan pendedahan terhadap ilmu agama yang diterima oleh golongan pekak memberikan kesan kepada kehidupan mereka. Keperluan dalam memberikan nasihat serta pendidikan agama kepada golongan ini perlu dititik beratkan oleh setiap pihak kerana akan menjadikan golongan ini bertambah baik dari segi pengetahuan serta akhlak mereka.

3. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Secara umumnya, kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Menurut Taylor et al., (1984), data kuantitatif boleh diukur, melalui proses pengukuran dan memerlukan alat-alat pengukuran seperti soal selidik dan juga ujian. Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar pengajian Islam terhadap kepentingan pendidikan agama kepada golongan pekak.

Selain itu, pemilihan untuk kajian ini dilakukan secara persampelan mudah. Persampelan ini agak mudah dilakukan kerana hanya menumpukan kepada subjek sedia ada seperti menjalankan temu bual atau soal selidik. Pemilihan sampel untuk kajian ini terdiri daripada 100 orang pelajar-pelajar IPTA di sekitar Selangor dan Negeri Sembilan yang mengambil kursus pengajian Islam. Instrumen bagi kajian ini adalah dengan menggunakan brang soal selidik.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh dalam menjalankan penyelidikan ini adalah dengan menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan oleh pengkaji sendiri berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan. Penganalisan data dilakukan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada soal selidik yang diberikan oleh responden. Segala maklumat akan dikumpul dan dianalisis mengikut bahagian dan hasil analisis akan dibuat dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Pengkaji akan menggunakan Perisian IBM SPSS Statistik bagi mendapatkan nilai-nilai tersebut.

4. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian diperolehi daripada *Google Form* dan diberi kepada pelajar-pelajar yang mengambil kos pengajian Islam yang merupakan responden bagi kajian ini. Seramai 100 orang pelajar pengajian Islam telah melibatkan diri dalam menjawab soal selidik ini. Seterusnya, data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian *IBM Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*. Soal selidik ini menggunakan skala likert iaitu, sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), tidak pasti (TP), setuju (S) dan sangat setuju (SS).

Jadual 1: Skor Bagi Item Persepsi Pelajar Pengajian Islam Terhadap kepentingan Pendidikan Agama kepada golongan pekak

Item Soal Selidik	STS	TS	TP	S	SS	Min	Tahap
			f				
			(%)				
1. Golongan pekak perlu diberi pendidikan agama sama seperti golongan tipikal.			5 (5)	39 (39)	56 (56)	2.29	Rendah
2. Golongan pekak dapat menyempurnakan ibadah dengan betul.			2 (2)	70 (70)	28 (28)	2.39	Sederhana
3. Golongan pekak perlu mengetahui fardu ain.			2 (2)	39 (39)	59 (59)	3.84	Tinggi
4. Golongan pekak perlu mengetahui fardu kifayah.		9 (9)	2 (2)	32 (32)	57 (57)	4.45	Tinggi
5. Golongan pekak kurang mendapat bimbingan terhadap ilmu pendidikan Islam		12 (12)	37 (37)	40 (40)	11 (11)	3.50	Sederhana
6. Golongan pekak mudah terpengaruh dengan perkara yang negatif.		8 (8)	31 (31)	49 (49)	12 (12)	3.94	Tinggi
7. Golongan pekak akan mersa dibimbing dan tidak diketepikan oleh				43 (43)	57 (57)	4.22	Tinggi

masyarakat.					
8. Golongan pekak perlu meningkatkan keimanan dan akidah mereka sebagai seorang Muslim.	100 (100)			5.00	Tinggi
9. Golongan pekak perlu mengetahui dan mengamalkan ilmu agama untuk mencapai kesejahteraan hidup.	100 (100)			5.00	Tinggi
10. Golongan pekak perlu mempunyai seorang guru atau pendakwah yang mengajarkan ilmu agama kepada mereka.	3 (3)	89 (89)	8 (8)	4.59	Tinggi
Jumlah				4.62	Tinggi

Jadual 1 menunjukkan skor bagi persepsi pelajar pengajian Islam terhadap kepentingan pendidikan agama kepada golongan pekak. Bagi item 1 iaitu, golongan pekak perlu diberi pendidikan agama sama seperti golongan tipikal, terdapat 39 responden (39%) yang 'setuju' dengan pernyataan item tersebut dan 56 responden (56%) lagi memilih aras 'sangat setuju'. Walau bagaimanapun, terdapat 5 orang responden yang 'tidak pasti'. Seterusnya, bagi item 2, terdapat 70% responden 'setuju' dan 28 responden (28%) 'sangat setuju' bahawa dengan pendidikan agama, golongan pekak dapat menyempurnakan ibadah dengan betul. Hanya terdapat 2 responden sahaja yang 'tidak pasti'.

Dapatan kajian juga menunjukkan, terdapat 2 responden (2%) memilih aras 'tidak pasti' bagi item 3, iaitu golongan pekak perlu mengetahui fardu ain. Manakala, 39 responden (39%) dan 59% responden yang lain masing-masing memilih aras 'setuju' dan 'sangat setuju'. Terdapat 57 responden (57%) memberi kenyataan 'sangat setuju' dan 32 responden (32%) 'sangat setuju' pada item 4 iaitu golongan pekak perlu mengetahui fardu kifayah. Walau bagaimanapun, terdapat 9 responden 'tidak setuju' dan hanya 2% responden memilih aras 'tidak pasti' bagi item tersebut.

Bagi pernyataan di item 5 iaitu, golongan pekak kurang mendapat bimbingan terhadap ilmu pendidikan Islam, seramai 11 orang responden (11%) memilih aras 'sangat setuju' dan 40% responden memilih aras 'setuju'. Manakala, 37 responden (37%) 'tidak pasti' dan hanya 12% responden 'tidak setuju'. Hasil dapatan kajian telah mendapati, 31 responden (31%) 'tidak pasti' bahawa golongan pekak mudah terpengaruh dengan perkara yang negatif, iaitu bagi item 6. Manakala, 49% responden 'setuju' dengan pernyataan tersebut. Hanya 8 responden (8%) responden yang 'tidak setuju'. 12 responden (12%) telah memilih aras 'sangat setuju' bagi pernyataan ini.

Seterusnya, bagi item 7, hanya terdapat dua aras yang dipilih oleh responden iaitu seramai 57 responden (57%) 'sangat setuju' dan 43% responden memilih aras 'setuju' untuk pernyataan golongan pekak akan merasa dibimbing ke arah kebaikan dan tidak berasa diketepikan oleh masyarakat. Bagi item 8 pula, 100% responden 'setuju' bahawa golongan pekak perlu meningkatkan keimanan dan akidah mereka sebagai seorang Muslim.

Hasil dapat kajian juga telah mendapati 100% responden 'setuju' bahawa golongan pekak perlu mengetahui dan mengamalkan ilmu agama untuk mencapai kesejahteraan hidup iaitu pada item 9. Bagi item 10 pula, iaitu golongan pekak perlu mempunyai seorang guru atau pendakwah yang mengajarkan ilmu agama kepada mereka, terdapat 3 responden (3%) memilih aras 'tidak pasti'. Manakala 89 responden (89%) dan 8% responden yang lain masing-masing memberikan kenyataan 'setuju' dan 'sangat setuju' pada pernyataan tersebut.

Berdasarkan Jadual 1, hasil dapatan kajian menunjukkan pada bahagian persepsi pelajar pengajian Islam terhadap kepentingan agama kepada golongan pekak, min yang paling rendah diperoleh pada item 1 iaitu 2.29 dan min yang sederhana diperoleh pada item 2 iaitu 2.39 serta item 5 iaitu 3.50. Manakala, item-item yang lain memperoleh min pada tahap tinggi. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan keseluruhan min bagi item-item di bahagian ini berada pada tahap tinggi iaitu 4.62.

5. PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar pengajian Islam mempunyai persepsi pada tahap yang tinggi berdasarkan nilai min keseluruhan iaitu 4.62 terhadap kepentingan pendidikan agama kepada golongan pekak.

Dapat dilihat daripada item 8 iaitu “golongan pekak perlu meningkatkan keimanan mereka sebagai seorang Muslim” dan item 9 iaitu “golongan pekak perlu mengetahui dan mengamalkan ilmu agama untuk mencapai kesejahteraan hidup”. Pada kedua item ini, 100% responden menanda pad aras ‘setuju’ dan secara tidak langsung pelajar tahu bahawa golongan OKU tidak terkecuali daripada mendapatkan pendidikan agama demi kesejahteraan hidup mereka. Ini bertepatan dengan kajian Yusmini dan Azura (2019) iaitu pendidikan agama Islam diturunkan oleh Allah kepada manusia agar manusia menjadi hamba yang taat kepada segala perintahNya tanpa mengira latar belakang, ekonomi dan juga pangkat atau tahap kemampuan seseorang.

Di samping itu, pengkaji juga mendapati tahap persepsi pelajar pengajian Islam terhadap kepentingan pendidikan agama kepada golongan pekak adalah tinggi. Contohnya, 98% pelajar bersetuju dan sangat setuju bahawa golongan pekak perlu mengetahui fardu ain. Sesuai dengan kajian yang dijalankan oleh Huzairi et al., (2010), yang menyatakan di dalam Islam, kehidupan fardu ain merupakan asas dalam kehidupan seorang individu Muslim. Penguasaan fardu ain yang kukuh membawa kepada penyuburan keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

Selain itu, pada item terakhir dengan nilai min 4.59 menunjukkan pelajar pengajian Islam memberi kenyataan bahawa golongan pekak perlu mempunyai seorang guru atau pendakwah yang mengajarkan ilmu agama kepada mereka. Hasil dapatan kajian bersesuaian dengan dapatan kajian daripada Huzairi et al., (2010), di mana golongan yang mempelajari agama atau golongan pendakwah perlu memastikan bahawa golongan pekak berada dalam sasaran kerja dawah. Hal ini demikian kerana, mereka juga berhak untuk menerima ilmu agama demi meningkatkan keimanan mereka.

6. IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar pengajian terhadap kepentingan pendidikan agama kepada golongan adalah pada tahap yang tinggi. Dapat dilihat bahawa pelajar tahu setiap Muslim mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan agama yang sempurna sebagai panduan dalam kehidupan mereka. Walaupun tahap persediaan pelajar untuk menyampaikan ilmu agama kepada golongan pekak adalah tinggi, namun tahap persediaan beberapa pelajar menunjukkan mereka masih belum bersedia sepenuhnya untuk berhadapan dengan golongan pekak disebabkan mereka belum belajar dan belum mahir dalam menggunakan bahasa isyarat untuk menyampaikan ilmu pendidikan Islam.

Dalam hal ini, pihak pentadbir di IPTA terutamanya harus mengambil inisiatif dengan memberikan ruang dan peluang kepada pelajar pengajian Islam untuk menerokai pembelajaran bahasa isyarat agar penyampaian ilmu agama mereka tidak terhad kepada golongan tipikal sahaja. Selain itu, pelajar juga boleh mengambil inisiatif sendiri untuk mempelajari bahasa isyarat di mana-mana kelas bahasa isyarat yang tersedia di dalam atau di luar IPTA di samping dapat menambahkan pengetahuan dan kemahiran komunikasi.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak semua pelajar pengajian Islam di IPTA didedahkan secara menyeluruh tentang pengetahuan mereka terhadap golongan pekak. Informasi yang mereka peroleh tidak sama iaitu mungkin sebahagian daripada mereka mendapat pendedahan daripada program, televisyen mahupun di aplikasi media sosial. Namun begitu, daripada respon yang diberikan oleh pelajar pengajian Islam, kita dapat melihat bahawa sebilangan besar pelajar telah didedahkan dengan info-info yang berkaitan dengan golongan pekak. Oleh itu, pihak-pihak tertentu bolehlah mengambil inisiatif yang berkesan untuk memastikan agar lebih ramai pelajar terutamanya pelajar pengajian Islam diberikan pendedahan yang secukupnya mengenai golongan pekak serta pembelajaran bahasa isyarat.

7. CADANGAN

Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan pengetahuan pelajar terhadap golongan pekak serta persepsi mereka terhadap kepentingan agama kepada golongan tersebut berada pada tahap yang baik. Namun persediaan pelajar untuk menyampaikan ilmu agama dilihat masih kurang memuaskan kerana mereka masih belum mempelajari dan menguasai bahasa isyarat. Oleh itu, pihak yang terlibat perlu mengambil berat dan cakna akan hal ini demi kebaikan ummah pada masa kini dan akan datang.

Kajian lanjutan boleh dilaksanakan demi untuk meninjau sama ada pelajar-pelajar lebih bersedia dengan maklumat mereka berkaitan dengan golongan pekak atau sebaliknya. Selain itu, kajian yang lebih mendalam lagi boleh dilakukan untuk melihat tahap penguasaan bahasa isyarat dalam kalangan pelajar pengajian Islam untuk berhadapan dengan golongan pekak dan menyampaikan ilmu agama.

8. PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima dan sekalung penghargaan kepada Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) kerana memberi ruang dan peluang bagi menjalankan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail, 2012. Mengenali Kaedah Orang Pekak Berkomunikasi.
- Ahmad, J. (2002) Pemupukan Budaya Penyelidikan Dikalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian. Ph.D. Thesis, Fakulti Pendidikan Universiti, Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Bouchard, M.G, Normand, M & Cohen, H. (2007). Production of consonants by prelinguistically deaf children with cochlear implants. *Clinical Linguistic and Phonetics*, 21, 875-884
- Din, N., Nasirudin, M., Talib, H. & Ibrahim, S. Z., 2019. Kolaborasi Interaksi Masyarakat Terhadap Golongan Kurang Upaya Di Institusi Masjid. *Jurnal of social sciences and humanities*, 16(2): 1-9.
- Dzulkifli, I., & Suhid, A. (2018). Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU Muslim. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 37-45.
- Fraenkel & Wallen. (1996). *How to design and evaluate research in education*. McGraw-Hill Companies. Incorporated
- Gagné, J-P, Southall, K, Jennings, M.B. 2011. Stigma and Self-stigma Associated with Acquired Hearing Loss in Adults. *Hearing Review*. 18(8):16-22.
- Hasnah Toran, Tajul Arifin, Muhamad Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Nur Hazwani Hamzah (2010). Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia. *AJTLHE* Vol. 2, No.2, 22-34
- Hung, H. L., and Paul, P.V., 2006. Inclusion of students who are deaf or hard of hearing: Secondary school hearing students' perspectives. *Deafness & Education International*, 8(2), pp.62-74
- Kerlinger, F. N. (1970). A social attitude scale: Evidence on reliability and validity. *Psychological Reports*, 26(2), 379–383
- Mohd Huzairi et al (2010), Penguasaan Asas fardu ain Pelajar Bermasalah Pendengaran Dan Cabaran Dari Perspektif Guru : Satu Tinjauan Awal. (Proceedings ICELD 2010 International Conference On Learner Diversity Universiti Kebangsaan Malaysia, 19-20 Oktober 2010)
- Mohd Huzairi bin Awang @ Husain, Hajarul Bahti binti Zakaria, Bani Hidayat bin Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi binti Talib, Nabiroh Kassim (2010) Kepentingan Dakwah kepada Golongan Masalah Pendengaran : Satu Kperluan.
- Mohamad Sazali Shaari (2010a), Buang Bayi dan Wanita Pekak, <http://msazali.blogspot.com/2010/09/buangbayi-dan-wanita-pekak.html> bertarikh 3 September 2010

- Mohd Sheffie Abu Bakar. 1991. *Methodologi Kajian Edisi Kedua*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Sayuti Bin Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, & Nazean Jomhari. 2018. *Kaedah Andargogi Pendidikan Al-Quran Bagi Golongan Pekak Dewasa*.
- Nur amirah Haron. Quar Tian Kar & Akmaliza Bt Ali. 2022. *Persepsi Pelajar Pra-Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Terhadap Golongan Pekak Dewasa*. *Jurnal Personalia Pelajar* 25(1): 51-59
- Sudin Mahusain. 2002. *Integrasi Sosial Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran dan Kanak-kanak Normal di Sekolah Kebangsaan Bandar Temerloh, Pahang*. *Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Taylor & Bogdan. (1984). *Introduction to qualitative research methods: a guidebook and resource*. John Winly & Son Inc.
- Ummu Karamah Binti Alias, Hamdi Bin Ishak, Sabri Bin Mohamad. 2019. *Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran*. *Jurnal al-Turath*; Vol. 4, No. 2; 2019
- Yusmini Md. Yusof, Azura Awang (2019). *Kepentingan Nilai-nilai Islam dalam Pembangunan Diri Orang Kelainan Upaya (OKU) Ketgori Masalah Pembelajaran*. *Jurnal Usuluddin 47 (Khas)* 2019: 105-118

Syar Meeze Mohd Rashid (Corresponding author)
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
E-mail: cikgumeeze@ukm.edu.my

Siti Hajar Shaharudin
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
E-mail: kamsahamnida304@gmail.com